

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 04 Jun 2017 13:06
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Faudziah Bt Zainal Abidin; Prof. Madya Dr. Nor Azam bin Abdul Razak
Subject: UUM COLGIS PEMBUKA TIRAI ROADSHOW PELAN STRATEGIK 2017 (FASA II:2016-2020)

Importance: High



04 JUN 2017/ 09 RAMADHAN1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

**UUM COLGIS PEMBUKA TIRAI *ROADSHOW* PELAN STRATEGIK
2017 (FASA II:2016-2020)**



IPQ ONLINE: Bahagian Perancangan Korporat, Institut Pengurusan Kualiti dengan kerjasama UUM COLGIS telah menganjurkan *Roadshow* Pelan Strategik 2017 (Fasa II:2016-2020) pada 4 Jun 2017. Taklimat tersebut telah diadakan di Auditorium SOIS, UUM COLGIS dan disampaikan oleh Pengarah Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin.

Taklimat selama dua jam itu dihadiri oleh pengurusan tertinggi serta semua warga akademik dan pentadbiran UUM COLGIS. Taklimat tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada semua staf berkenaan Pelan Strategik Fasa II: 2016 – 2020 khusus bagi 2017 terutamanya bagi PI penyelidikan, penerbitan dan konsultansi. Menurut Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin, bagi tahun 2016, pencapaian Pelan strategik adalah 68% meningkat berbanding Fasa I (2015) iaitu 65%. Namun begitu, perjuangan masih perlu diteruskan bagi tahun 2017 dengan 4 Teras, 8 Bidang Keberhasilan Utama, 13 Strategi, 17 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan 201 Petunjuk Prestasi (PIs). Rentetan daripada pencapaian tahun 2016, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan lagi iaitu penyelidikan, penerbitan, pelaksanaan *career pathways* dan juga penjana kekayaan Universiti. Pelan Strategik Fasa II telah dibangunkan untuk mencapai agenda utama universiti terutama Universiti Penyelidikan (RU), Pelan Pendidikan Pengajian

Tinggi Negara – Pendidikan Tinggi (PPPM-PT), SETARA, MyMOHES, QS World Ranking & Rating dan UI GreenMetrics.

Sementara itu, Prof. Dr. Azilah Bt Kasim Dr. Badariah binti Haji Din, Dr. Aspalella Bt A. Rahman, Dr. A. S. A. Ferdous Alam dan Dr. Abd. Rahim Bin Romle diumumkan sebagai Top 5 penulis untuk penerbitan Scopus / ISI jurnal diindeks bagi tahun 2016 untuk UUM COLGIS.

Turut hadir bagi taklimat tersebut adalah Prof. Madya Dr. Nor Azam bin Abdul Razak, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan Korporat, IPQ. *Roadshow* yang seterusnya akan diadakan kepada UUM CAS, UUM COB dan PTJ.

INSTITUT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



Institut Pengurusan Kualiti | Universiti Utara Malaysia | 06010 | UUM Sintok | Kedah Darul Aman | Malaysia
Tel : +04 - 928 4651/55 | Fax : +04 - 928 4660 | Email : ipq@uum.edu.my | Website : www.ipq.uum.edu.my | Facebook : Institut Peng



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.